

29/11/1997

Saingan teknologi sihat: Mahathir

Khaidir Abdul Majid in Tokyo

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyambut baik sokongan berterusan pelabur Jepun dalam program perindustrian Malaysia berkata, pemindahan teknologi dari Negara Matahari Terbit ini akan meningkatkan daya saing barangan negara di pasaran sejagat.

"Kami menyambut baik pemindahan teknologi kepada syarikat Malaysia. Mungkin ia akan mewujudkan persaingan di antara syarikat usaha sama yang ditubuhkan di Malaysia dengan syarikat induk di Jepun, tetapi persaingan itu adalah sihat," kata Perdana Menteri di majlis menandatangani perjanjian usaha sama di antara Premier Choice Sdn Bhd, Usra Tampi Sdn Bhd dan Metro Denso Ltd dari Jepun di sini hari ini.

Syarikat usaha sama yang ditubuhkan itu bagi mereka bentuk, pengeluaran dan pemasaran suis berkombinasi bagi industri automotif di Malaysia bagi pasaran tempatan dan eksport.

Dr Mahathir yang berada di sini untuk lawatan kerja dua hari berkata, perjanjian usaha sama yang dimeterai hari ini membantu Malaysia menangani masalah mata wang sekarang, menerusi pengurangan import dan peningkatan daya eksport negara.

Usaha sama itu akan mengeratkan lagi hubungan antara syarikat Jepun dan Malaysia.

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam selepas menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada, menyaksikan pemeteraian perjanjian usaha sama itu oleh Pengerusi Premier Choice Datuk Mohd Saleh Sulong; Pengerusi Eksekutif Kumpulan Usra Tampi, Datuk Abdul Shukor Mohamed; dan Presiden Metro Denso, M Tanaka.

Usra Tampi memiliki 51 peratus ekuiti dalam syarikat usaha sama itu, manakala Premier Choice sembilan peratus dan bakinya Metro Denso.

Dalam sidang akhbar selepas majlis itu, Abdul Shukor berkata syarikat usaha sama itu, Metro Denso Malaysia yang mempunyai modal berbayar permulaan RM1 juta akan beroperasi di kilang Usra Tampi di Shah Alam.

Syarikat itu akan bermula dengan keupayaan pengeluaran 2,000 unit suis berkombinasi sebulan. Pengeluarannya akan bermula April ini.

Sebagai permulaan, ia akan membekal suis kepada Malaysia Truk dan Bas Sdn Bhd (MTB), yang kini membeli komponen itu daripada rakan kongsinya, Isuzu yang memiliki 20 peratus ekuiti MTB. Isuzu pula mendapat bekalan suisnya dari Metro Denso Jepun.

(END)